

07 DEC 1999

Exco-Perak

DR MAHATHIR PERSETUJUI CADANGAN BARISAN EXCO PERAK

IPOH, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memersetujui cadangan barisan anggota Exco kerajaan negeri Perak yang merupakan gabungan muka lama dan baru, kata Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali hari ini.

Tajol Rosli yang menggantikan Tan Sri Ramli Ngah Talib telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri berhubung barisan kabinet negeri yang baru itu di Putrajaya semalam.

"Cadangan barisan ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri telah dipersetujui oleh Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan tugas menteri besar di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini.

Katanya, beliau akan menghadap Sultan Perak Sultan Azlan Shah petang ini di Kuala Lumpur untuk mendapatkan perkenan baginda terhadap barisan Exco negeri bagi penggal 1999-2004 itu.

Majlis angkat sumpah anggota Exco negeri akan diadakan di Istana Iskandariah esok di hadapan Sultan Azlan Shah.

Pada pilihan raya umum baru-baru ini, Tajol, yang sebelum ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bertukar ke kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Kenering manakala Ramli, menteri besar Perak selama 17 tahun, berpindah ke kawasan Parlimen Pasir Salak.

Sebelum ini, Tajol merupakan anggota parlimen Gerik dan Ramli pula anggota DUN Kampung Gajah.

Tajol Rosli berkata, beliau akan mengekalkan saiz atau pecahan barisan Exco negeri kini tetapi bersedia untuk menambah jumlahnya jika keadaan memerlukan.

Kini terdapat sembilan orang anggota Exco kerajaan negeri.

-- BERNAMA

MHI NMO